

## KPDNHEP Beaufort rampas barang bernilai RM204,524.67 dari 2016-2020

Published on: Tuesday, May 19, 2020  
By: Ahmad Apong



FIKRI (tengah) ketika majlis serah tugas itu. Turut kelihatan, Haliza (kiri).

**BEAUFORT:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Beaufort merampas barangan bernilai kira-kira RM204,524.67 antara 2016 hingga 2020.

Rampasan tertinggi adalah pada 2019 dengan RM133,208.78, disusuli pada 2016 (RM53,98331), 2017 (RM5,684.50), 2018 (RM1,000.52), manakala sehingga Mei tahun ini adalah RM2,530.01.

Keseluruhan rampasan ini membabitkan nilai kompaun berjumlah RM169,780, kata Ketua Cawangan KPDNHEP Beaufort Fikri Lai pada majlis serah tugas di pejabat KPDNHEP di sini, pada Isnin.

Katanya, hanya satu kes yang diselesaikan di mahkamah tahun ini, membabitkan denda RM30,000, dan menambah, sebanyak 25,289 pemeriksaan dijalankan di premis-premis perniagaan di Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang.

Mengenai bekalan makanan di tiga kawasan ini, Fikri memberi jaminan keperluan makanan adalah mencukupi untuk semua dan tidak ada premis yang menyembunyikan barang keperluan asas untuk tujuan menaikkan harga.

“Pada masa sama, KPDNHEP turut memberi amaran kepada peniaga agar tidak menaikkan harga barang sepanjang musim perayaan Hari Raya,” katanya.

Sementara itu, Fikri mengucapkan terima kasih kasih Haliza Sainan atas sumbangannya sepanjang berkhidmat di cawangan itu kerana beliau akan ditukarkan ke KPDNHEP Keningau selepas sembilan tahun bertugas di pejabat di sini.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/152998/kpdnhep-beaufort-rampas-barang-bernilai-rm204-524-67-dari-2016-2020/>

